

15 AUG 1996

PELABURAN TANPA RISIKO DENGAN DIVIDEN DAN BONUS DI BAWAH ASW 2020

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Dana tiga bilion unit amanah ASW 2020 akan menawarkan peluang bagi "pelaburan tanpa risiko" kata ketua eksekutif kumpulan pengurus dananya, Permodalan Nasional Bhd (PNB) Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib.

Skim Amanah Saham Wawasan (ASW 2020) adalah satu pelaburan tanpa risiko serupa dengan tabung-tabung lain yang diurus oleh PNB, seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) di mana PNB menanggung skim itu untuk memberi balik pada RM1 seunit.

Sebagai pelaburan membawa dividen, pemegang-pemegang unit dijamin pulangan yang kompetitif, lebih baik daripada instrumen-instrumen tanpa risiko seperti simpanan tetap, beliau memberitahu persidangan berita baru-baru ini.

Akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Ogos, pengiraan dividen akan berasaskan kepada baki bulanan minimum pegangan 12 bulan.

"Jika seseorang memasukkan pelaburan untuk hanya enam bulan dan mengeluarkan sebelum akhir tahun, maka mereka akan mendapat separuh daripada jumlah dividen," jelasnya.

Bagaimanapun, seseorang tidak patut membandingkan dividen ASW 2020 dengan dividen ASB, katanya.

"Berbuat demikian seperti membandingkan dua biji epal, memandangkan ASW 2020 adalah bertujuan untuk pelaburan jangka panjang dan portfolionya bercampur-campur dan agak berbeza daripada ASB," kata Hilmey.

Katanya sungguhpun ASW 2020 tidak akan memberikan keuntungan modal memandangkan ia tidak akan diniagakan pada harga pengurus dana seperti Amanah Saham Nasional PNB, para pelabur akan mendapat manfaat daripada unit bonus seperti di dalam ASB.

Bagaimanapun, tidak seperti ASB, unit-unit bonus tidak berasaskan tahun ke tahun.

Katanya bonus yang akan diagih-agihkan adalah kompetitif dan ia adalah pada budibicara PNB.

"Ia adalah seperti mana dan bila kami melihatnya menguntungkan ... mungkin selepas satu hingga tiga tahun," katanya, sambil menambah bahawa pengagihan bonus akan berasaskan tempoh pegangan "berpurata", untuk menggalakkan pelaburan jangka panjang. -- BERNAMA

AD OS/sia